

# Perancangan Ekonomi Keluarga dalam Aspek Pengurusan Kewangan Berpandukan Kisah Teladan Nabi Yusuf

Amiratul Munirah Yahaya<sup>1</sup>, Mohd Asmadi Yakob<sup>1</sup>, Siti  
Sarah Izham<sup>1</sup>, Murihah Abdullah<sup>2</sup>, Shofiyah Moidin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

\*Pengarang Penghubung  
amiratul@uitm.edu.my

Received: 30 October 2022

Accepted: 8 Mac 2023

Online First: 1 April 2023

## ABSTRAK

*Perancangan ekonomi keluarga dalam aspek pengurusan kewangan adalah amat penting dalam sebuah institusi kekeluargaan. Tambahan pula, masyarakat Malaysia kini masih menempuh fasa endemik COVID-19 dan berhadapan dengan kemelut ekonomi keluarga serta ketidakstabilan penjanaaan kewangan akibat faktor tertentu. Justeru kisah teladan Nabi Yusuf a.s akan mengemukakan teknik-teknik dan perancangan sebagai persediaan awal dalam menguruskan kewangan khususnya dalam aspek kekeluargaan. Objektif kajian ini bertujuan mengkaji tafsiran ayat-ayat dalam surah Yusuf berkait perancangan pengurusan kewangan keluarga menurut perspektif al-Quran. Kemudian menganalisis teknik-teknik perancangan kewangan tersebut agar dapat diaplikasikan dalam institusi kekeluargaan. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara kajian kes. Pengumpulan data kajian melalui kajian kepustakaan berdasarkan sumber primer dari kitab-kitab tafsir dan sumber sekunder yang terdiri dari artikel jurnal. Temubual semi struktur juga diadakan secara terpilih melibatkan agen pengurusan kewangan dari agensi perlindungan takaful. Analisis data kajian dilakukan secara induktif, deduktif dan analisa dokumen. Hasil dapatan kajian mendapati strategi perancangan kewangan Nabi Yusuf a.s bertepatan dengan konsep simpanan dan pelaburan, keselamatan makanan (food security) dan alternatif perlindungan pencaruman takaful keluarga sebagai persediaan*

*menghadapi cabaran kemelut ekonomi keluarga. Justeru, pengetahuan dan kesedaran terhadap perancangan pengurusan kewangan keluarga berdasarkan teori pengurusan kewangan Nabi Yusuf a.s perlu diberi pendedahan untuk disebarkan dalam masyarakat agar menjadi garis panduan dan solusi yang berkesan dalam perancangan pengurusan kewangan keluarga.*

**Kata kunci:** Kisah Nabi Yusuf, Perancangan Ekonomi Keluarga, Pengurusan Kewangan, Sekuriti Makanan

## **Family Economic Planning in The Aspect of Financial Management Based on the Exemplary Story of Prophet Yusuf**

### **ABSTRACT**

*Family economic planning in financial management is very important in a family institution. In addition, the Malaysian community is still going through the endemic phase of COVID-19 and is facing family economic turmoil and financial instability due to certain factors. Hence, the good story of the Prophet Joseph (pbuh) will present techniques and planning as a preliminary preparation for managing finances, especially in the aspect of a family. The objective of this study is to study the interpretation of verses in surah Yusuf related to family financial management planning according to the perspective of the Quran. Then analyze the financial planning techniques so that they can be applied in family institutions. The methodology of the study uses qualitative methods on a case study basis. Collection of study data through the study of the library based on primary sources from the books of interpretation and secondary sources consisting of journal articles. Semi-structural interviews were also held selectively involving financial management agents from takaful protection agencies. Analysis of the study data is carried out inductively, deductively and document analysis. The findings found that the Prophet Yusuf's (pbuh) financial planning strategy coincided with the concept of savings and investments, food security and family takaful contribution protection alternatives in preparation for the challenges of family economic turmoil. Hence, the knowledge and awareness of family financial management planning based on the theory of financial management of the Prophet Yusuf (pbuh) should be given exposure to be disseminated in the community as a practical guideline and solution in planning family financial management.*

**Keywords:** Family Economic Planning, Financial Management, Food Security, Story of Prophet Yusuf

## PENGENALAN

Perkahwinan merupakan lambang kehormatan dan kemuliaan yang memberi perlindungan dan kasih sayang berterusan terhadap pasangan suami isteri (Rogayah Estar Mohamad et al., 2021). Allah SWT berfirman dalam surah al-Nur ayat 32 yang bermaksud: “Dan kahwinkanlah dari kalangan kamu orang bujang (lelaki dan perempuan) dan orang-orang yang salih daripada hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) dan sekiranya mereka berada dalam kemiskinan, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka daripada limpah kurnia-Nya”. Berdasarkan kefahaman ayat tersebut dapat dirumuskan bahawa jaminan rezeki oleh Allah SWT melalui ikatan perkahwinan menghasilkan kehidupan berkeluarga yang mengandungi unsur keberkatan. Imam al-Qurtubi di dalam tafsirnya, al-Jami‘li Ahkam al-Qur’an menyatakan bahawa jaminan rezeki itu berlaku dengan sebab pasangan mengharapkan keredaan Allah dan mengelakkan diri daripada terjerumus dalam kemaksiatan. Justeru pengukuhan ekonomi melalui institusi keluarga merupakan satu aspek yang produktif dalam sesebuah komuniti (Ahmad Hidayat Buang, 2009).

Kajian ini akan mengkaji tafsiran ayat-ayat dalam surah Yusuf berkait perancangan ekonomi keluarga dalam aspek pengurusan kewangan menurut perspektif al-Quran. Seterusnya menganalisis teknik-teknik pengurusan kewangan keluarga agar dapat diaplikasikan dalam institusi kekeluargaan. Justeru, strategi dalam pengurusan kewangan keluarga dan memiliki perancangan ekonomi keluarga perlu diambil perhatian oleh pasangan suami isteri dan perlu dipelajari dari semasa ke semasa. Hal ini disebabkan cabaran kehidupan masa kini berdepan dengan krisis ekonomi di peringkat negara dan global terutama fasa pasca COVID-19. Krisis yang berlaku boleh menjejaskan pendapatan dan berlaku ketidakstabilan ekonomi dalam institusi keluarga malah menjadi penyebab faktor berlakunya keruntuhan rumahtangga (Rogayah Estar Mohamad et al., 2021). Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Datuk Dr Mohd Naim Mokhtar melaporkan terdapat 45,420 kes perceraian yang didaftarkan di seluruh negara pada 2021, negeri Selangor dan Johor telah mencatatkan kes perceraian yang tertinggi iaitu sebanyak 8,811 kes di Selangor, diikuti Johor 5,058 kes (Berita Harian, Mac 2022). Kes-kes perceraian bukan sahaja melibatkan pasangan muda malah turut berlaku terhadap golongan pertengahan dan di akhir usia.

Menurut Prof Dr Raihanah Abdullah dan kajian dari sekumpulan pakar yang terdiri daripada Hakim di Mahkamah Shari’ah dan Pegawai Hal Ehwal

Islam dari Jabatan Agama Wilayah Persekutuan serta disokong oleh kenyataan JKSM mendapati bahawa antara faktor berlaku penceraian adalah tiada persefahaman antara pasangan, faktor kewangan dan pengabaian tanggungjawab dari segi nafkah zahir dan batin, pasangan curang dan campur tangan dari keluarga (Rogayah Estar Mohamad et al., 2021). Berdasarkan fakta tersebut menunjukkan bahawa faktor kewangan keluarga dilihat antara faktor yang dominan yang boleh menyebabkan keruntuhan institusi rumahtangga dan perlu kepada solusi. Keperluan terhadap kesedaran pengurusan kewangan yang efektif dan persediaan terhadap perancangan ekonomi keluarga dalam institusi kekeluargaan berpandukan kisah Nabi Yusuf a.s boleh dijadikan contoh teladan yang baik bagi menghadapi cabaran ekonomi masa kini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Rekabentuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Pengumpulan data dilakukan melalui kajian kepustakaan yang bersumberkan data primer dan data sekunder dengan meneliti kitab-kitab tafsir seperti Tafsir al-Maraghi, Tafsir Ibn Kathir dan Tafsir Fi Zilal al-Quran, Tafsir al-Azhar HAMKA serta artikel-artikel jurnal dalam bidang kewangan Islam yang memfokuskan topik perancangan kewangan keluarga berpandukan kisah teladan Nabi Yusuf a.s dalam surah Yusuf. Temubual secara semi berstruktur telah dilakukan bersama seorang agen pengurusan kewangan dari agensi perlindungan takaful kendalian produk hibah. Analisis data pula dilakukan melalui kaedah induktif, deduktif dan analisa dokumen (Othman Talib, 2019).

## **Cabaran Ekonomi Dalam Aspek Kekeluargaan**

Matlamat Pembangunan Mapan (SDG) yang bermatlamat sifar kemiskinan merupakan usaha yang dilakukan di Malaysia bertujuan membasmi isu kemiskinan tegar. Malaysia merupakan negara berpendapatan sederhana yang melangkah ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2024. Walaubagaimanapun, kesan krisis COVID-19 ini dilihat telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia dan kini negara masih berada pada fasa pemulihan ekonomi. Situasi ini telah menyebabkan berlakunya gangguan rantaian bekalan dalam pelbagai sektor termasuk penghasilan produktiviti makanan dan komoditi barangan yang diperdagangkan di Malaysia dan turut menjejaskan ekonomi dalam negeri (Nurfitriyah Salihah et al., 2022).

Realitinya, kualiti gaya hidup masyarakat moden kini memiliki taraf pendidikan yang baik menyebabkan kebanyakan pasangan suami isteri saling bekerja bertujuan menjana pendapatan keluarga. Ketua keluarga bertanggungjawab mencari nafkah manakala isteri turut membantu suami mencari pendapatan dalam kerjaya yang diceburi untuk menampung

perbelanjaan keluarga. Golongan suri rumah juga berusaha menjana pendapatan melalui pelbagai cara seperti berniaga secara atas talian, mengambil upah menjahit dan sebagainya. Justeru, hasil harta sepencarian yang diusahakan oleh pasangan suami isteri adalah diiktiraf oleh Mahkamah (Ahmad Hidayat Buang, 2009). Kos sara hidup sebuah keluarga yang menetap di kawasan bandar adalah lebih mencabar berbanding kehidupan di kampung.

Menurut Jabatan Perangkaan (2020), seramai 182,100 orang penduduk di kawasan luar bandar dikategorikan sebagai miskin. Begitu juga jumlah penduduk bandar yang jatuh dalam kategori miskin adalah lebih tinggi iaitu 223,300 orang. Ini menunjukkan bahawa program pembasmian kemiskinan perlu diberi perhatian khususnya miskin bandar (Nurfitriyah Salihah et al., 2021). Bilangan isi rumah yang berpendapatan kurang RM2500 telah bertambah sebanyak 12.5%. Manakala kumpulan isi rumah kategori M40 telah beralih kepada B40 sebanyak 20% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Namun, pendapatan yang diusahakan kebiasaannya hanya sekadar mencukupi keperluan dan tiada lebih yang banyak terutamanya bagi pasangan yang menetap di bandar. Secara umumnya, tuntutan kehidupan masa kini terbeban dengan hutang bulanan seperti sewa rumah, kereta, kos utiliti, kos pendidikan anak-anak berbentuk yuran bulanan sekolah, bayaran pengangkutan dan transit, terdapat juga potongan caruman insurans & perlindungan takaful. Bahkan, komitmen bayaran turut melibatkan barangan keperluan yang dibeli secara kredit (Ahmad Hidayat Buang, 2009).

Berdasarkan hal-hal yang disebutkan, hakikatnya ia bersangkutan dengan pengurusan kewangan seseorang individu dalam sesebuah keluarga. Bagi mencari jalan penyelesaian adalah dengan merujuk kepada panduan al-Quran iaitu melalui teori ekonomi berpandukan surah Yusuf.

## **Analisis Tafsir Berkait Konsep Sekuriti Makanan Dalam Surah Yusuf**

Pandangan ulama' menyatakan analisis tafsir dalam surah Yusuf ayat 47-49 menyentuh mengenai perancangan pengurusan kewangan berkait isu kenegaraan iaitu jaminan penyediaan bekalan makanan (*food security*) bagi mengatasi masalah kelaparan dan kebuluran. Allah berfirman:

*"Yusuf menjawab: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu tuai biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan*

*(untuk dijadikan benih). "Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)"*

Dari perspektif lain, ada nabi yang terlibat secara langsung dengan kegiatan ekonomi pertanian dan diiktiraf sebagai pakar. Misalnya, kisah Nabi Yusuf a.s yang menjadi penasihat pakar kepada kegiatan pertanian ekoran dari peristiwa takbir mimpi pemerintah Mesir (Surah Yusuf, 12: 46- 49). Baginda ibaratkan aktiviti ekonomi berhubung dengan tempoh masa berjimat cermat ketika senang untuk jangka masa sukar. Nasihat serta perancangan Baginda ini adalah berkaitan dengan polisi pengeluaran, sikulasi serta sekuriti makanan dalam bidang pertanian (Asmak, 2009). Iaitu dengan menyarankan agar rakyat Mesir gigih melakukan kegiatan pertanian, menyimpan hasilnya selama tujuh tahun, kerana akan tiba musim kemarau selama tujuh tahun berikutnya. Ekoran dari pandangan bernas tersebut, Mesir berjaya menangani kemelut kemarau dan kekurangan makanan yang di alami oleh tempat lain, lantas Baginda dilantik sebagai Bendahara (Surah Yusuf, 12: 54-57).

Pandangan dari Tafsir al-Maraghi menyatakan bahawa tafsiran di sebalik takbir mimpi tersebut, Nabi Yusuf a.s meminta Raja berwaspada kerana Baginda menjangkakan negara Mesir akan mengalami krisis kemarau dalam tempoh yang panjang kelak. Ibn Kathir menjelaskan pada musim kemarau bumi tidak menghasilkan tanaman walaupun sedikit. Baginda menyarankan agar membuat persediaan bekalan makanan yang mencukupi dengan menyeru rakyat menanam gandum selama 7 tahun berturut-turut tanpa henti. Kemudian menyimpan sebahagian tangkai gandum bertujuan memenuhi keperluan bekalan makanan pada musim kemarau akan datang (Ahmad Mustafa al-Maraghi, 2006). Dalam tafsir Ibn Kathir menyebut bahawa hasil dari tanaman sepanjang 7 tahun yang subur itu disimpan agar tidak cepat rosak, manakala sebahagian yang diperlukan untuk makan harus digunakan dengan cermat dan sedikit sahaja (Ibn Kathir, 2014).

Kesannya, negara Mesir berjaya menghadapinya dengan baik dan tahun selepas kemarau berupaya menghasilkan produktiviti tanaman seperti anggur, tebu dan zaitun. Keterangan dalam Tafsir fi Zilal al-Quran menjelaskan mengenai kelebihan Nabi Yusuf a.s dalam takbir mimpi merupakan ilmu ladunni kurniaan dari Allah SWT (Syed Qutb, 2015). Strategi perancangan yang dikemukakan telah membuktikan Baginda seorang pemimpin yang berwawasan dan bijak menguruskan ekonomi negara. Nabi Yusuf a.s mengusahakan kegiatan ekonomi dalam sektor pertanian dan berperanan menasihati perancangan ekonomi negara untuk masa hadapan dengan jangkaan tempoh masa tertentu. Hasil persediaan yang mencukupi, Mesir berjaya menangani kemelut kemarau dan masalah kekurangan makanan dengan baik berbanding

kawasan-kawasan yang lain sehingga boleh membantu memenuhi permintaan bekalan makanan dari luar kawasan.

Konsep sekuriti makanan menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) iaitu penyediaan bekalan makanan asasi yang berkhasiat tersebut adalah mencukupi dan memiliki kemampuan untuk memperolehnya. Teori ini boleh diaplikasikan di seluruh negara dengan menumpukan usaha dalam sektor pertanian, menyarankan agar masyarakat mengamalkan sikap berjimat cermat ketika senang. Kemudian menyimpan bekalan makanan asasi sebagai persediaan untuk menghadapi saat-saat sukar seperti musim kemarau atau wabak atau dalam situasi peperangan. Idea-idea yang Baginda lontarkan ada hubungkait dengan polisi pengeluaran, sikulasi serta sekuriti makanan dalam bidang pertanian (Mohd Nasir Ripin, 2018).

Walaupun pada dasarnya ia melibatkan isu kenegaraan namun intipati pengajaran mengenai konsep tersebut boleh dikaitkan dan diaplikasikan dalam institusi kekeluargaan bertujuan memenuhi keperluan asasi makanan keluarga dengan mengukuhkan pendapatan keluarga dan mengawal perbelanjaan bulanan sebagai persediaan menghadapi pelbagai risiko di kemudian hari.

Dalam konteks keusahawanan, peristiwa tersebut menjelaskan bahawa para anbiya khususnya Nabi Yusuf a.s diiktiraf sebagai pakar ekonomi. Baginda menterjemahkan kegiatan ekonomi berkaitan rapat dengan tempoh, iaitu masa senang dan masa sukar. Baginda berkebolehan mencipta peluang dari cabaran. Sesungguhnya, kisah tersebut menceritakan tentang konsep usaha, tabungan, kitaran ekonomi atau perniagaan iaitu kitaran masa mewah, meleset dan mewah semula. Di sini jugalah bermulanya pemuafakatan atau kerja berpasukan untuk menjayakan sesuatu program atau perusahaan yang dirancangan (Nik Mustafa, 2008). Tegasnya, sebagai pakar ekonomi pertanian, kisah Nabi Yusuf a.s juga berkaitan pemasaran serta pengajuan diri, integriti dan profesionalisme, peranan bimbingan Ilahi dan maklumat serta informasi (Amrul Mutaqin, 2013).

## **Tuntutan Menyediakan Bekalan Makanan Asasi Keluarga Yang Mencukupi di Malaysia**

Imam al-Syatibi menjelaskan bahawa makanan merupakan keperluan asas manusia kategori dharuriyyat. Ia amat penting untuk kelangsungan hidup manusia, membekalkan tenaga dan nutrisi terhadap badan setiap hari. Kandungan makanan perlu dipastikan mengandungi zat yang berkhasiat, terjamin bersih dan halal. Antara teknik-teknik yang dapat dikenalpasti daripada penganalisaan surah Yusuf tersebut ialah kepentingan menyediakan bekalan makanan asasi keluarga yang mencukupi. Islam prihatin terhadap sumber dan kualiti penyediaan makanan yang menepati kehendak agama. Kekurangan

bekalan makanan boleh menyebabkan berlakunya krisis pengeluaran makanan dan merupakan isu utama yang melibatkan keperluan hak asasi manusia (Noorfazreen & Asmak, 2011). Isu ini turut mengundang kepada pelbagai penyakit dan boleh membawa kepada kematian (Noorfazreen et al., 2020). Justeru, ketua keluarga bertanggungjawab dan berperanan dalam memastikan penyediaan bekalan makanan asasi keluarga adalah sentiasa mencukupi bagi mewujudkan keharmonian dalam institusi keluarga.

Beras merupakan makanan ruji di Malaysia dan sehingga kini masih bergantung kepada beras import dari Vietnam dan Thailand kerana tidak mampu memenuhi keperluan tahunan bekalan beras untuk seluruh rakyat (Nurul Ezzaty Mohd Azhari, 2022). Krisis bekalan makanan yang pernah berlaku pada 2008 telah memberi impak yang besar kepada masyarakat. Peranan kerajaan amat penting dalam menjamin keselamatan makanan sekaligus mengatasi kebergantungan import beras negara (Tahir & Mustapa, 2020).

Pada sisi yang berbeza, isu pembaziran makanan adalah satu kerugian kerana makanan tersebut sepatutnya boleh disalurkan kepada orang miskin yang memerlukan. Budaya pembaziran adalah bermula daripada sikap manusia sendiri. Betapa mudahnya untuk mendapatkan makanan, mungkin telah mempengaruhi sikap mereka untuk melakukan pembaziran. Namun, sikap membazir itu boleh ditangani dengan ilmu dan penghayatan terhadap agama (Zul'Azmi Yaakob & Zailan Moris, 2014).

Inisiatif mewujudkan 'bank makanan' adalah satu kaedah yang digunapakai dalam sekuriti makanan khususnya bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan. Pemantauan terhadap penyediaan rantai bekalan makanan yang mengikut standard halal dan piawaian patuh syariah turut diberi perhatian terutamanya dalam sektor pergudangan dan penyimpanan, pengangkutan, pengeluaran produk makanan. Selain itu, penguatkuasaan terhadap pensijilan halal diperkasakan bagi memastikan rantai bekalan makanan yang dijamin halal dan berkualiti (Muhammad Izzat & Muhammad Hakimi, 2021).

Dalam aspek kekeluargaan pula, penekanan terhadap pembangunan ekonomi keluarga adalah diutamakan. Justeru, intipati dan pengajaran ayat-ayat dalam surah Yusuf tersebut boleh dijadikan sebagai panduan untuk merancang dan mengurus ekonomi dan kewangan keluarga. Perkahwinan adalah satu amanah yang sewajarnya dilaksanakan dengan sebaik-baiknya oleh pasangan suami isteri. Ajaran Islam telah menyediakan garis panduan berupa hak dan kewajipan yang mesti dipatuhi agar segala keperluan rumahtangga terlaksana dengan baik, teratur dan sempurna. Hak suami terhadap isteri adalah jauh lebih besar kerana suami berperanan sebagai pemimpin dan pembimbing kepada



isteri dan anak-anak. Isteri pula adalah pengurus rumahtangga (Siti Halimah Putung & Dg Hafizah, 2017).

Ketua keluarga bertanggungjawab memastikan penyediaan bekalan makanan asas terhadap ahli keluarga (*family food security*) adalah mencukupi dari sudut kuantiti, kualiti serta memenuhi keperluan khasiat nutrisi yang seimbang berdasarkan budaya persekitaran masyarakat setempat. Mengurangkan jurang kemiskinan melalui pencapaian taraf pendidikan yang tinggi serta mampu menjana pendapatan perkapita keluarga yang memuaskan adalah antara faktor jaminan bekalan makanan keluarga dapat disediakan dengan baik bagi mengelakkan masalah kelaparan dan kebuluran yang akhirnya boleh menjejaskan kesihatan (Archana Prabhat & Kyrunnisa Begum, 2017). Teori perancangan dan pengurusan ekonomi berpandukan Nabi Yusuf a.s boleh dikaitkan dalam suasana institusi kekeluargaan agar pasangan bijak merancang kewangan bagi memastikan kelangsungan perkahwinan agar mampu menyediakan kesejahteraan hidup sekeluarga, berupaya menjana pendapatan yang konsisten dan lebih terurus serta akhirnya boleh mencapai keharmonian rumahtangga.

### **Saranan Amalan Perbelanjaan Berhemah Dalam Institusi Keluarga**

Perbelanjaan keluarga ini adalah pelbagai untuk menampung keperluan hidup seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan kenderaan. Justeru, antara teknik pengurusan kewangan keluarga yang boleh dicontohi dalam surah Yusuf ialah mengamalkan perbelanjaan keluarga yang berhemah. Dalam konteks kehidupan masa kini ialah perbelanjaan pendidikan, kesihatan dan rekreasi. Perbelanjaan harta di dalam Islam terdiri dari dua bentuk iaitu perbelanjaan wajib dan perbelanjaan sukarela. Perbelanjaan wajib harta seseorang Islam samada dia berkeluarga ataupun tidak, ialah bayaran zakat. Manakala bagi individu yang berkeluarga terutama suami ialah bayaran nafkah kepada isteri dan anak-anak serta orang yang dia bertanggungjawab. Selain itu ialah perbelanjaan sukarela yang terbit baik sama ada daripada akad seperti jual beli, hibah, sewaan dan sebagainya. Menurut Abdul Rahman (2007), kemiskinan yang melanda manusia bukan kerana tidak berharta tetapi tidak tahu mengutamakan keperluan dalam hidup. Hamka dalam Tasauf Moden menyatakan: “Kalau hendak miskin, ingatlah segala yang teringat, kenanglah segala yang belum ada, hendaki ini dan itu, hendaki berumah lebih cantik, kerana sekarang walaubagaimanapun cantiknya, belum juga cukup rasanya. Padahal rumah kita sendiri sudah titik air liur orang lain melihatnya (Hamka, 1990).”

Berdasarkan kenyataan tersebut menggambarkan bahawa hati manusia sentiasa tidak puas. Namun, desakan hidup zaman sekarang tidak seperti dahulu, di mana kesemua aspek penghidupan memerlukan perbelanjaan. Institusi zakat,

baitulmal dan wakaf sentiasa boleh membantu orang Islam yang dalam kesusahan dan memainkan peranan bagi membantu ekonomi umat Islam (Mohd Izzat Amsyar et al., 2021). Walaubagaimanapun, tidaklah boleh menjadikan umat Islam itu bergantung semata-mata kepada institusi tersebut. Pendapatan terbaik yang digunakan untuk membiayai keperluan peribadi dan keluarga adalah pendapatan yang diperolehi dengan usaha dan tenaga, serta tidak hanya bergantung dengan pemberian dan sedekah orang ramai (Ali, 2007). Ketua keluarga perlu mengawal perbelanjaan dengan mengutamakan kepada keperluan, perlu merancang perbelanjaan mereka untuk mengelak dari ditimpa kesusahan pada masa hadapan. Bagi pasangan yang baharu mendirikan rumah tangga amatlah penting mereka menyediakan tabungan atau simpanan bagi perbelanjaan keluarga. Seseorang itu tidak perlu untuk menunggu menjadi senang atau kaya baharu akan bermula hendak menabung atau menyimpan (Ahmad Hidayat Buang, 2009).

### **Amalan Menabung dan Galakan Mencarum Pelaburan Patuh Syariah**

Tuntutan menabung di institusi perbankan Islam perlu dilaksanakan dalam sesebuah keluarga. Teknik pengurusan kewangan keluarga melalui surah Yusuf juga menekankan amalan menyimpan dan berjimat cermat. Tabiat menabung perlu dididik dan diterapkan terhadap anak-anak. Peraturan asas dalam menyimpan dan menabung adalah sekurang-kurangnya bersumberkan 10 sehingga 15% daripada pendapatan yang diperolehi (Amer Azlan, 2020). Perbelanjaan keluarga seperti tanggungan pendidikan anak-anak, kos rawatan kesihatan keluarga serta wang di waktu kecemasan boleh dirancang melalui usaha menabung dan menyimpan di institusi perbankan Islam dan skim pelaburan simpanan takaful yang patuh Syariah. Takaful berkonsepkan saling melindungi dan saling menjamin antara satu sama lain melalui ikatan perjanjian antara individu-individu yang mencarum untuk sekiranya terdapat sebarang kerugian setelah ada pencarum yang ditimpa musibah. Pengendali takaful pula dilantik sebagai wakil untuk menguruskan tabung takaful secara profesional (Masri Azrul et al., 2022).

Justeru, ketua keluarga digalakkan menyimpan atau menabung menggunakan kemudahan perbankan kewangan Islam dan mencarum skim takaful keluarga yang berkonsepkan pelaburan secara Islam. Takaful keluarga adalah satu instrumen perlindungan yang boleh membantu untuk menangani daripada risiko yang berbentuk kerugian harta benda, risiko kehilangan pendapatan kerana kematian ketua keluarga, kekurangan wang simpanan serta risiko pembiayaan perubatan. Takaful keluarga sebagai satu instrumen yang boleh membantu individu dan keluarga untuk melindungi pendapatan mereka dan menangani resiko akibat kehilangan pendapatan akibat musibah dan sebagainya. Selain itu, bagi golongan yang berharta, ketua keluarga boleh

merancang dan menguruskan harta keluarga dengan lebih sistematik seperti melakukan hibah terhadap waris keluarga dan mendermakan sebahagian harta yang dimiliki setelah meninggal dunia (Fatin Fatini Ismadi, 2022).

Budaya menabung atau menyimpan kini dilihat agak sukar dilakukan, lebih-lebih lagi dalam suasana masyarakat yang terpaksa dibebani dengan hutang bagi memenuhi keperluan asas keluarga. Secara asasnya, ketua keluarga perlu memastikan jumlah kos perbelanjaan adalah kurang daripada jumlah pendapatan dan perlu berdisiplin dalam mengawal perbelanjaan keluarga dengan mengutamakan perbelanjaan yang berbentuk keperluan (Amer Azlan, 2020). Ketua keluarga sewajarnya bijak menggunakan kemudahan berhutang dalam perkara-perkara keperluan seperti tanggungan kos perumahan, kenderaan, pendidikan anak-anak dan seumpamanya.

Justeru, hutang juga perlu dirancang dan digunakan kepada perkara yang perlu. Sebaliknya budaya suka berhutang kepada perkara yang tidak perlu, dapat dianggap sebagai satu bentuk pembaziran yang ditentang oleh Islam kerana ia boleh menghalang amalan menyimpan dan menabung yang terbukti mempunyai faedah yang besar kepada keluarga dan umat Islam. Tabiat menyimpan dan menabung dari hasil pendapatan memerlukan keazaman yang bersungguh-sungguh dan kesabaran yang tinggi (Ahmad Hidayat Buang, 2009). Ketua keluarga juga perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan untuk merancang dan menguruskan kewangan keluarga dengan baik seperti mencarum dalam takaful keluarga, lebih peka dan bertindak dengan berhati-hati terhadap segala bentuk penipuan terutamanya jenayah siber serta mengelakkan pembaziran.

## **KESIMPULAN**

Aspek kewangan adalah aspek yang terbesar dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Setelah Allah SWT menyebut bahawa lelaki adalah pemimpin dan pelindung kepada wanita dalam surah al-Nisa' ayat 34, Allah SWT telah menyebut soal nafkah. Rata-rata pentafsir menyebut nafkah disitu adalah berbentuk pemberian kewangan. Refleksinya, peri pentingnya soal kewangan dalam pembinaan keluarga. Atas dasar pentingnya ia, maka setiap pasangan suami dan isteri mestilah membuat persediaan dan perancangan kewangan yang mantap dan sentiasa memperbaharui perancangan tersebut mengikut situasi semasa. Panduan dari kisah Nabi Yusuf a.s bermula ayat ke 47 sehingga 49 memberi petunjuk kepada pasangan suami isteri dalam merangka perancangan pengurusan kewangan seterusnya melaksanakannya. Terdapat tiga komponen utama dalam proses penyediaan perancangan pengurusan kewangan iaitu pertama, memastikan penyediaan bekalan makanan asasi keluarga yang mencukupi. Kedua, menerapkan amalan menabung seterusnya mencarum dalam pelaburan patuh syariah. Ketiga, memupuk dalam diri setiap ahli

keluarga supaya mengamalkan amalan perbelanjaan berhemah dan tidak boros mengikuti nafsu dan hati. Sehubungan itu, penelitian terhadap strategi pengurusan kewangan keluarga dalam era digital boleh dilakukan untuk kajian pada masa akan datang.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan terhadap Universiti Teknologi MARA (UiTM) khususnya Geran Penyelidikan Dalaman (GPD) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) bertajuk Model Penerapan Nilai Murni Berpandukan Dalam Aspek Kekeluargaan Berpandukan Teladan Kisah Al-Quran Dalam Masyarakat Malaysia, Ogos 2022-Julai 2023.

## **KONFLIK KEPENTINGAN**

Kajian ini dijalankan secara telus berdasarkan fakta-fakta yang benar dan tiada sebarang unsur kepentingan terhadap institusi-institusi tertentu.

## **SUMBANGAN PENULIS**

Merangka pengenalan, metodologi kajian dan menganalisa perbincangan dapatan kajian, A.M.Y. Mengumpulkan kajian literatur, M.A.Y. Mengumpul data kajian dan mengarang, S.S.I dan M.A dan turut membuat kesimpulan S.S.I. Akhirnya menulis abstrak dan penambahbaikan teknikal, S.M.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2007). *Pemikiran Etika Hamka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions.
- Ahmad Hidayat Buang. (2009). *Pengurusan Harta Keluarga Menurut Islam dan Realiti Semasa di Malaysia*, Jurnal Muamalat, Bil 9.
- Ahmad Mustafa al-Maraghi. (2006). *Tafsir al-Maraghi*, Jilid 4, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ali Laban. (2007). *Asas-Asas Islam: Modul Pembangunan Insan*. Kuala Lumpur: Prospecta Printers.
- Amer Azlan Abdul Jamal. (2020). *Wang dan Dilema: Bagaimana Mengatasinya? Wacana Pengurusan Kewangan Peribadi*. Universiti Malaysia Sabah.
- Archana Prabhat & Kyrunnisa Begum (2017). *Family Food Security: Factors Influencing*, International Journal of Health, Sciences and Research.
- Berita Harian (23 Mac 2022), <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/937674/selangor-johor-catat-kes-cerai-paling-tinggi>

- Hamka. (1990). *Tasauf Moden*. Indonesia: Pustaka Panjimas.
- Ibn Kathir (2014). *Tafsir Ibn Kathir*, Indonesia: Pustaka Imam Syafie.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan Malaysia Tahun 2020, Diakses pada 31 Ogos 2022, [https://dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemedByCat&cat=493&bul\\_id=VTNHRkdiZkFzenBNd1Y1dmg2UUlrZz09&menu\\_id=amVoWU54UTl0a21NWmdhMjFMMWcyZz09](https://dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemedByCat&cat=493&bul_id=VTNHRkdiZkFzenBNd1Y1dmg2UUlrZz09&menu_id=amVoWU54UTl0a21NWmdhMjFMMWcyZz09)
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif , Mohd Afandi Mat Rani, Mohammad Syahrul Deen Ahmad Rosli, Nurazlina Mamat, dan Murihah Abdullah (2021). Kerangka Pembangunan Insan dalam Mengupaya Keusahawanan Asnaf: Rasulullah SAW sebagai Model Usahawan. *Sains Insani*.
- Muhammad Izzat & Muhammad Hakimi (2021). Sekuriti Makanan Berlandaskan Konsep Halalan Toyyiban: Analisis Dari Perspektif Maqasid Shariah, *Jurnal Hadhari*, 13(2).
- Mohd Nasir Ripin, Zulkifli Mohd Yusof (2018), Keusahawanan Dakwah Berdasarkan Kisah Anbiya Dalam Al-Quran, *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, UTM Press.
- Nayan. M. A., Abdullah. N., Othman. Y., Cheumar. M. (2022). Takaful Keluarga Sebagai Instrumen Pengurusan Resiko Menghadapi Pandemik COVID-19, *CIFER International Journal of Islamic Finance*, 1(1).
- Noorfazreen Mohd Aris, Mohd Faizal P. Rameli, Norizah Mohamed@Hj Daud & Badriah Nordin (2020). Kepentingan Makanan dalam Menjamin Hifz al-Nafs. *Journal of Human Capital Development*, Vol. 13 No.2.
- Noorfazreen Mohd Aris, Asmak Ab Rahman (2011), Pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia: Kajian Daripada Perspektif Ekonomi Islam, *Jurnal Syariah*, 19(1)
- Nurfitriyah Salihah Shaharin, Azri Bhari, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2022). Analisis Kaedah Penentuan Kemiskinan Pasca COVID-19, *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 25(1).
- Nurfitriyah Salihah Shaharin, Azri Bhari, Nurul Ain Mohd, Mohammad Mahyuddin Khalid, Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2021). Analisis Perbandingan Kaedah Penentuan Kemiskinan Dari Perspektif Konvensional dan Islam, *International Journal of Art and Social Science Research*, 1(2).
- Nurul Ezzaty Mohd Azhari (2022), Lindungi Pertanian Padi, Elak Bekalan Beras Terputus, [https://upm.edu.my/article/lindungi\\_pertanian\\_padi\\_elak\\_bekalan\\_beras\\_terputus-67591](https://upm.edu.my/article/lindungi_pertanian_padi_elak_bekalan_beras_terputus-67591)
- Othman Talib, 2019, *Analisis Data Kualitatif dengan Atlas.ti 8*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rogayah Estar Mohamad, Elmi Baharuddin, Noorazeen Razali, Nurul Ashiqin Jaafari, Nur Filzahruz Mohamad Sah, (2021). Punca Penceraian

- Pasangan Dewasa Islam: Perspektif Badan Pelaksana, *Journal of Fatwa Management and Research*, vol 26 (2)
- Siti Halimah Putung & Dg Hafizah Ag Basir (2017). Penglibatan Suami Dalam Kerja-Kerja Rumahtangga: Kajian Kes Di Sabah, *Jurnal Fiqh*, No 14.
- Syed Qutb (2015), *Tafsir fi Zilal al-Quran*, Internet Edition, Al-Tawhid wa Al-Jihad.
- Tahir, S. H., & Abd Talip, M. (2020). Dasar Keselamatan Makanan Di Sabah, Malaysia: Kajian Kes Jelapang Padi Di Daerah Kota Belud: Food Security Policy In Sabah, Malaysia: A Case Study of Paddy Field In Kota Belud District. *Jurnal Kinabalu*.
- Zul’Azmi Yaakob & Zailan Moris (2014). Peranan Persekitaran terhadap Tuntutan Hak Asasi Manusia: Cabaran bagi Umat Islam. *International Journal of Islamic Thought* Vol. 5.
- Temubual bersama Fatin Fatini Ismadi, Perunding Takaful AIA Produk Hibah pada 15 Julai 2022 di Gombak, Kuala Lumpur.